

13 MAY 2000

Mahathir-Persaraan

MAHATHIR SEKALI LAGI BAYANGKAN AKAN BERSARA

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekali lagi menyatakan hasratnya untuk bersara tetapi belum menetapkan bila beliau akan berbuat demikian.

Bagaimanapun katanya masa itu tak berapa lama lagi.

Dr Mahathir berkata biasanya beliau merahsiakan tarikh kerana sementara ada yang menyuruhnya terus berkhidmat, ada juga yang mahu supaya beliau bersara.

"Biasanya saya rahsiakan (tarikh), kerana sementara ada orang yang suruh saya terus menjadi Perdana Menteri untuk empat, lima penggal lagi iaitu 25 tahun, ada pula yang kata bila lagi, dah lama dah, tua nyanyuk tapi kalau Tan Sri Pengerusi Tetap (Umno) (Tan Sri Sulaiman Ninam Shah) umur 80 tahun masih juga boleh mengurus mesyuarat yang susah ini, saya ingat saya boleh jugalah sikit-sikit... tapi tak berapa lama lagi."

Beliau menyatakan demikian ketika menggulung perbahasan pada perhimpunan agung Umno ke-54 di Dewan Merdeka di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini petang ini.

Dr Mahathir yang juga presiden Umno berkata, beliau sebenarnya merancang untuk bersara pada 1998, selepas Sukan Komanwel tetapi terpaksa kekal dalam jawatan.

Perdana Menteri membatalkan hasratnya untuk bersara apabila timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat daripada jawatan kerajaan pada 2 Sept diikuti dengan pemecatannya daripada parti keesokan harinya.

"Saya harap janganlah sesuatu apa jadi lagi kepada timbalan saya ini. Berilah kepercayaan yang penuh kepada timbalan saya supaya dia dapat menjawat jawatan Perdana Menteri apabila saya bersara.

"Tapi saya belum tetap bila saya nak bersara," katanya disambut dengan gelak ketawa oleh para perwakilan.

-- BERNAMA

AFY ZKS